

Dalil-dalil lain yang memperkuat pemahaman ini adalah tindakan dan aktiviti dakwah Rasulullah SAW di Makkah yang berlangsung selama 13 tahun. Beliau melakukan aktiviti dakwah dan meminta pertolongan kepada orang-orang terkemuka dari seluruh Jazirah Arab dengan tujuan agar dakwah beliau berhasil dalam menegakkan Daulah Islam. Rasulullah SAW dalam hal ini telah membatasi kegiatannya kepada aktiviti-aktiviti yang bersifat intelektual (fikriyah). Beliau tidak pernah melakukan aktiviti yang bersifat fizikal, sebagaimana yang dikatakannya kepada para sahabatnya setelah Bai'at Aqabah II:

“Kita belum diperintahkan melakukan hal itu (tindakan kekerasan)”.
 [As Sirah An Nabawiyah, Imam Adz Dzahabi, halaman 202.]

Beliau menolak tawaran para pemimpin Madinah untuk memerangi penduduk Mina (jama'ah haji dari seluruh Jazirah Arab) dengan pedang. Beliau tidak mengatakan kepada mereka: “Kita belum mampu”, tetapi beliau mengatakan: “Kita belum diperintahkan melakukan hal itu”. Dan Rasulullah SAW hanya mengizinkan mereka melakukan perang, setelah beliau bersama kaum Muhajirin berhijrah ke Madinah dan mendirikan Daulah Islam di sana. Saat itulah diturunkan firman Allah SWT yang berbunyi [Lihat As Sirah An Nabawiyah, Imam Az Zahabi, halaman 467-468.]:

“Telah diberi izin (untuk berperang) bagi orang-orang yang telah diperangi, kerana mereka telah dizalimi” (Al Hajj: 39).

Mafhum Mukhalafah (makna sebaliknya) dari ayat ini menjelaskan bahawa sebelum hijrah, kaum Muslimin tidak diizinkan untuk berperang. Mafhum Mukhalafah ini

merupakan hujjah yang wajib dilaksanakan serta dijadikan pedoman bagi setiap gerakan Islam. Lebih dari itu, Allah SWT berfirman:

“Tidaklah kamu perhatikan orang-orang yang dikatakan kepada mereka: ‘Tahanlah tanganmu (dari berperang), dan dirikanlah salat’” (An Nisa 77).

Tiadanya keizinan untuk melakukan tindakan kekerasan pada ketika itu menunjukkan adanya larangan keras melakukan tindakan kekerasan tersebut dalam usaha mendirikan Daulah Islam pada setiap zaman. Sedangkan diturunkannya izin melakukan tindakan fizikal setelah tegaknya Daulah Islam menunjukkan bahawa aktiviti fizikal merupakan salah satu perkara yang tidak termasuk didalam langkah-langkah suatu gerakan untuk menegakkan Daulah. Inilah hukum Islam yang perlu diteladani; hukum mengenai dakwah pertama dalam sejarah umat Islam, dakwah yang dipelopori oleh kelompok sahabat yang dipimpin Rasulullah SAW.

Khatimah

Semoga kepulangan jemaah Haji yang dinantikan akan menjadi satu ingatan yang dapat mengimbas kembali perjuangan jemaah haji yang melakukan Bai'ah Aqabah ke-II, memberikan kata sepakat untuk membantu dakwah Rasulullah, menyerahkan tampuk pemerintahan, melindungi junjungan Rasulullah dan juga kedaulatan Negara Baru yang dipimpin oleh Baginda SAW. Allah SWT telah mengabadikan nama mereka sebagai golongan Ansar. Inilah masanya untuk kita merenung dan melihat dengan perspektif yang positif seluruh jemaah yang bergerak untuk menubuhkan Negara Islam. InsyaAllah dengan perspektif ini dapatlah kemudian seluruh kaum muslimin sama-sama berganding bahu didalam usaha murni untuk menegakkan semula Khilafah 'Ala Minhaj Nubuwwah.

PENEGAKKAN DAULAH ISLAMIYYAH YANG HAKIKI: PERJUANGAN INTELEKTUAL TANPA SENJATA

[28/01/05] **“Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang “Muhajirin” dan “Ansar”, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.”**
 [At-Taubah :100]

Hari Raya Kurban telah berlalu meninggalkan sejuta kenangan buat umat Islam seantero dunia. Untuk kesekian kalinya umat Islam melakukan rukun kelima Islam ini tanpa kewujudan Negara Islam. Daulah Khilafah yang diruntuhkan telah lama melambaikan selamat tinggal buat umat Islam kerana kekekaan mereka sendiri. Lambaian sayonaranya telah benar-benar menghancurkan kemuliaan dan ketinggian kaum Muslimin; diseluruh dunia mereka ditindas, diherdik, dibunuh.... Tercabut sudah perasaan takut kaum Kuffar yang ditanam oleh Allah didalam dada mereka terhadap kaum Muslimin. Kini mereka pula yang menentukan baik dan buruk kepada kita, merekalah yang menentukan polisi ekonomi kita, undang-undang kita. Penghinaan ini membuatkan kaum muslimin mula merenung jauh; apa kesudahannya nasib umat Islam.... Hakikatnya, dalam keadaan seperti ini, kaum muslimin amat mengharapkan sebuah Negara Islam sejati yang bakal melindungi mereka dari serbuan dan serangan bengis kaum Kuffar.

Di tanah suci, para tetamu Allah disajikan air Zamzam dari telaga suci sebagai anugerah Illahi untuk pengorbanan seorang ibu bernama Siti Hajar yang mencari air untuk anaknya. Disini, sanak saudara menanti kepulangan para tetamu Allah ini dan mungkin dalam penantian ini molek rasanya kita merenung kembali sejarah silam sebagai nostalgia indah, tatkala kaum muslimin masih hidup tanpa Daulah, dengan kisah yang diabadikan Allah mengenai golongan 'Ansar'. Kisah sebuah rombongan jemaah Haji dari Yathrib dalam perjalanan pulang dari Mekah ke Madinah, yang terdiri dari anggota Bai'atul Aqabah yang ke II. Kepulangan mereka kali ini bukan sebagai sebuah kepulangan biasa. Tetapi kepulangan mereka pada kali ini adalah dengan janji yang mereka perlu kotakan. Indah sekali kata-kata mereka semasa mengenggam erat tangan Nabi SAW. Mereka telah memadu janji untuk mempertahankan Rasulullah jika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah.

Marhalah dakwah Rasulullah

Pembai'atan mereka ini merupakan satu mercu tanda berdirinya Negara Islam yang pertama di dunia. Pemuka-pemuka dari Aus dan Khazraj ini telah melakar satu detik bersejarah dalam rentetan perjuangan gerakan Islam terulung di dunia; mereka telah mengisi sebuah perjuangan yang tidak ada tolak bandingnya dalam marhalah kedua dakwah Rasulullah SAW. Ini jelas dapat dilihat didalam perjuangan Rasulullah yang boleh diringkaskan sebagai berikut:

Pertama: Marhalah Tasqif - tahap pembinaan dan pengkaderan untuk melahirkan individu-individu yang meyakini pemikiran (fikrah) dan metod (thariqah) parti politik guna membentuk kerangka gerakan.

Kedua: Marhalah Tafa'ul ma'al Ummah - tahap berinteraksi dengan umat agar umat turut sama

Nasyrah Terbitan:

**Hizbut Tahrir
 MALAYSIA**



Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah swt. Sebarang pertanyaan atau komen, sila e-mailkan kepada htm@mykhilafah.com

memikul kewajiban dakwah Islam, sehingga umat akan menjadikan Islam sebagai masalah utama dalam hidupnya serta berusaha untuk menerapkannya dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Ketiga: Marhalah Istilamil Hukmi - tahap pengambilalihan kekuasaan, dan penerapan Islam secara utuh serta menyeluruh, lalu mengembangkannya sebagai risalah ke seluruh penjuru dunia.

Selesai marhalah pertama di rumah Arqam bin Abi Arqam, dan melangkah ke fasa kedua dalam perjuangan suci Baginda SAW membawa risalah ke seluruh penjuru bumi Arab, anggota gerakan Islam ini mula disiksa, ditindas, dimaki hamun; malah ada pengikutnya dibunuh dan ditimpa berbagai bentuk penyiksaan yang sekelumit sahaja dapat dicoret oleh tinta, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Tanpa mengenal penat lelah Baginda SAW memohon pertolongan kepada beberapa kabilah untuk melindungi gerakan Islam ini namun hasilnya amat mendukacitakan. Di Thaif kekasih Allah ini dibaling dengan batu, sedangkan binatangpun tidak layak diperlakukan demikian. Kalau adapun kabilah yang mahu membantu, mereka meletakkan pelbagai syarat berbau perkauman namun ternyata Junjungan Mulia SAW menolak, sehingga datangnya jemaah Haji dari Madinah yang sanggup memberikan Nusrah (bantuan dan janji setia) kepada perjuangan beliau.

Thalabun Nusrah adalah detik bersejarah yang dapat dinukil didalam kitab sirah dan merupakan satu aktiviti penting dalam marhalah kedua perjuangan Rasulullah. Lestari atau tidaknya dakwah ditentukan olehnya kerana keberlangsungan dakwah memerlukan dua aspek penting,

Pertama, untuk mendapatkan perlindungan (himayah) sehingga tetap dapat melakukan aktiviti dakwah dalam keadaan aman dan terlindung.

Kedua, untuk mencapai tampuk pemerintahan dalam rangka menegakkan Negara Islam dan menerapkan hukum-hukum berdasarkan apa yang telah diturunkan Allah SWT dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Ternyata setelah Rasulullah SAW melakukan hijrah ke Madinah, sebagai detik yang dinantikan oleh penduduk Yathrib, Kaum Ansar bersedia untuk mempertahankan Baginda SAW dengan kemampuan semaksimal mungkin dan tampuk pemerintahan diserahkan kepada Rasulullah SAW dimana Negara yang diasaskan oleh Baginda SAW kemudian menjadi Kuasa Besar di dunia dan diperintah dengan hukum-hukum yang direndahkan oleh Allah SWT.

Perjuangan Intelktual Tanpa Kekerasan

Dalam keghairahan gerakan atau jemaah atau parti politik Islam untuk melihat kembalinya Negara Islam di mayapada ini, sebagaimana berdirinya Negara Islam pertama di Madinah Al-Munawwarah, janganlah kita sekali-kali alpa dengan tariqah perjuangan Rasulullah yang bersifat intelektual tanpa ada pertumpahan darah. Tariqah menegakkan Negara Islam dengan menggunakan senjata ini jelas terkeluar dari kancuh perjuangan Rasulullah selama 13 tahun di Mekah. Oleh hal yang demikian hukum-hukum tentang parti politik hendaklah difahami dengan jelas, bagi memastikan kita berada di jalan yang benar. Fakta ini dapat dijelaskan setelah kita meneliti nas yang berkaitan.

“(Dan) Hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada Al Khair (Islam), menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan merekalah orang-orang yang beruntung.” (Ali Imran 104).

Ayat Al-Quranul Karim ini merupakan seruan yang sangat jelas kepada umat Islam untuk membentuk suatu jema’ah, kelompok dakwah atau sebuah parti politik Islam, sekaligus membatasi aktiviti kepada dua kegiatan: Pertama, berdakwah kepada Islam (terhadap non-muslim); dan kedua, melakukan amar ma’ruf dan nahi munkar di tengah-tengah kaum Muslimin.

“..Hendaklah ada di antara kamu segolongan umat..” (Ali Imran 104).

Sebenarnya ayat ini ditujukan kepada gerakan Islam agar melakukan tugas yang diserukan didalamnya. Bahkan, syari’at Islam mengharuskan adanya jemaah, kelompok dakwah atau parti-parti Islam pada setiap masa secara terus menerus, khususnya pada saat kewujudan Daulah Islam. Meskipun Daulah Islam untuk seluruh kaum Muslimin masih belum wujud ketika ini, terdapat dalil lain yang tetap memerlukan adanya gerakan Islam dengan berpedomankan kaedah syara’ yang mengatakan:

“Apabila suatu kewajiban tidak sempurna kecuali dengan suatu perbuatan, maka perbuatan itu wajib pula hukumnya”.[Lihat Al Muwafaqat, Imam Asy Syathibi, Jilid II/ 394.]

Daulah Islam tidak akan tegak berdiri tanpa adanya suatu gerakan Islam yang berusaha untuk menegakkannya.

Mencegah kemungkaran dengan “tangan” yang merupakan aktiviti fizik seperti mengangkat senjata, tindakan kekerasan dan sebagainya, bukanlah kegiatan amar ma’ruf nahi munkar seperti yang disebutkan didalam ayat diatas. Ayat ini membatasi aktiviti gerakan hanya untuk berdakwah saja, baik dakwah yang berupa seruan untuk memeluk agama Islam, ataupun dakwah yang berupa ajakan untuk melaksanakan Islam dengan cara amar ma’ruf nahi munkar, yang kesemuanya merupakan aktiviti intelektual (mengajak berpikir dan menentukan sikap).

Ayat itu tidak dapat dijadikan alasan atau dalil penggunaan “tangan” oleh gerakan Islam dalam mencegah kemungkaran, walaupun bagi individu telah ada perintah yang membolehkan seseorang mencegah kemungkaran dengan “tangan” sesuai dengan kemampuannya. Berdasarkan pemahaman dari sabda Rasulullah saw:

“Siapa saja di antara kalian melihat (suatu) kemungkaran, maka hendaklah ia berusaha mencegahnya dengan tangannya ...” [HR Muslim]

Para ulama sepakat bahwa kemungkaran itu tidak boleh dicegah dengan senjata. Seorang individu tidak wajib mencegah kemungkaran apabila tindakannya justru akan menimbulkan kemungkaran yang lebih besar lagi [Lihat Syarah Sahih Muslim, Imam Nawawi, jilid II, hal 25-35].

Dari kitab-kitab Sirah Nabi SAW ada disebutkan bahawasanya Abdurrahman bin Auf RA dan beberapa orang sahabat lainnya mendatangi Rasulullah SAW seraya berkata:

“Ya Nabiyullah. Dahulu, tatkala kami masih musyrik, kami dimuliakan. Tetapi tatkala kami telah beriman, kami dihinakan”. Rasulullah saw menjawab:

“Aku telah diperintahkan untuk menjadi orang pemaaf. Oleh kerana itu, janganlah kalian memerangi mereka (Quraisy)”. (HR An Nasa’i)

Dari pengaduan Abdurrahman bin Auf RA dan kemudian Rasulullah SAW menjawab agar bersifat pemaaf dan tidak membolehkan mereka memerangi orang-orang Quraisy atau yang lainnya, maka kita dapat memahami bahawa Rasulullah SAW tidak membolehkan gerakan melakukan reaksi terhadap tindakan kekerasan dengan cara membalasnya. Yang beliau lakukan menyuruh para sahabat RA untuk bersabar (menahan diri) padahal ketika itu Rasulullah SAW mampu mengerahkan kaum Muslimin untuk membalas kekerasan yang dilakukan orang-orang kafir itu dengan perbuatan yang setimpal dalam setiap kejadian yang menyakiti dan membahayakan kaum Muslimin. Namun ternyata, beliau tidak melakukannya meskipun tindakan itu seolah-olah diperlukan, dan meskipun ada pengaduan dari sahabat supaya Rasulullah SAW melakukannya. Hal ini menunjukkan bahwa beliau melarang kaum Muslimin melakukan tindakan kekerasan/fizik atas nama gerakan dakwah. Peristiwa ini berlaku di Makkah sebelum berdirinya Daulah Islam di Madinah.